





**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** serta **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson.** Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan selepas tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN.** Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan Kejuruteraan, MPPD. **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A).** Kontraktor **WAJIB membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.**
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.**
5. **Kaunter Terimaan Hasil menerima bayaran melalui tunai, cek, wang pos dan deraf bank adalah bermula pada jam 8.30 pagi sehingga jam 1 petang. Manakala bermula jam 2 petang sehingga 3.00 petang kaedah bayaran hanya melalui kad debit dan kredit sahaja.**
6. Kontraktor **WAJIB** mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.

7. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
8. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
9. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
10. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
11. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB** di bawah **Gred, Kategori** dan **Pengkhususan** yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**
Yang Dipertua 

Jawatan : **Majlis Perbandaran Port Dickson**

Tarikh : **2 NW 2022**

LAMPIRAN

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
S0138/22 RM 50.00	Cadangan Menaiktaraf Bangunan MPPD (FASA 2) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan.	<u>G1</u> Kategori B & CE Pengkhususan B04 & CE21	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson
S0139/22 RM 150.00	Menaik Taraf Pasar Malam Batu 4 (Program Transformasi Pasar Malam 2022), MP Port Dickson.	<u>G2</u> Kategori CE Pengkhususan CE21	Tarikh: 07.11.2022	Tarikh : 14.11.2022
S0140/22 RM 150.00	Cadangan Pembaikan Cerun Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Meranti 9, Bandar Springhill, Port Dickson.	<u>G2</u> Kategori CE Pengkhususan CE08 & CE21	Hingga 14.11.2022	*Jam 12.00 t/hari

Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-

MASA : 8.30 PAGI HINGGA 3.00 PETANG (HARI BEKERJA)

WAKTU REHAT : 1.00 HINGGA 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)

: 12.15 TENGAHARI HINGGA 2.45 PETANG (JUMAAT)